

TINGKATAN 5 2025
BAHASA MELAYU
Kertas 1
PEPERIKSAAN PERCUBAAN (OGOS)
2 jam

1103/1

Dua jam

SKEMA PEMARKAHAN

SKEMA JAWAPAN
Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan (30 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	26 – 30	<u>Tugasan</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan ransangan/tugasan. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut sistem ejaan rumi yang baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat.
	(28 – 30)	
	(26 – 27)	<u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap - Pemerenggan yang sesuai. *** Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain2.
KEPUJIAN	20 – 25	<u>Tugasan</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan ransangan/tugasan. - Huraian jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi - Ejaan yang betul mengikut sistem ejaan Rumi yang baharu.
	(23 – 25)	
	(20 – 22)	

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik. Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap - Pemerenggan yang sesuai.
MEMUASKAN	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan/tugas. - Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata masih luas/ terhad. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi - Ejaan masih mengikut sistem ejaan Rumi yang baharu. - Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. - Wacana masih lengkap. - Pemerenggan yang masih sesuai.
PENGUASAAN MINIMUM	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>Tugasan</u> - Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan/tugas. - Huraian kurang jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa masih kurang dari segi kata dan ayat. - Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. - Penggunaan kosa kata terhad

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi yang Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan kurang menarik. Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. - Wacana kurang lengkap. - Pemerenggan kurang sesuai.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01-09 (06– 09) (01– 05)	- Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. - Idea tidak menepati tema bahan rangsangan/tugas. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

Bahagian B : Karangan Respon Terbuka

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	Kegramatisan – kata (morfologi) - Ayat (sintaksis) Tanda baca Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	Tema Idea utama Pengembangan (huraian, bahasan, hujahan, contoh) korelevanan
4. PENGOLAHAN	Wacana Logik Pemerenggan Format
5. GAYA BAHASA	Keindahan bahasa Ungkapan Peribahasa

Bahagian B (70 markah)
KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	64-70 (68-70) (64-67)	<u>Tugasan</u> • Karangan menjawab tugas <u>Idea</u> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas dan matang. • Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan sangat menarik dan berkesan • Pemerenggan yang sesuai • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
KEPUJIAN	55-63 (59-63) (55-58)	<u>Tugasan</u> • Karangan menjawab tugas <u>Idea</u> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> ● Pengolahan menarik dan berkesan ● Pemerenggan yang sesuai ● Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. ● Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
BAIK	45-54 (50-54) (45-49)	<u>Tugasan</u> ● Karangan masih menjawab tugas <u>Idea</u> ● Idea masih relevan mengikut tugas. ● Huraian masih jelas. ● Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> ● Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ● Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. ● Penggunaan kosa kata umum. ● Ejaan dan tanda baca yang masih betul. ● Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. ● Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> ● Pengolahan masih menarik. ● Pemerenggan yang masih sesuai ● Wacana masih lengkap. ● Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
MEMUASKAN	35-44 (40-44) (35-39)	<u>Tugasan</u> ● Karangan masih/ kurang menjawab tugas <u>Idea</u> ● Idea masih relevan mengikut tugas. ● Huraian kurang jelas. ● Contoh kurang sesuai. <u>Bahasa</u> ● Ayat kurang gramatis

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		● Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. ● Penggunaan kosa kata umum dan terhad. ● Ejaan dan tanda baca yang masih betul tetapi terdapat kesalahan bahasa minimum. ● Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. ● Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> ● Pengolahan kurang menarik. ● Pemerenggan yang kurang sesuai ● Wacana masih / kurang lengkap. ● Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
PENGUASAAN MINIMUM	21-34 (28-34) (21-27)	<u>Tugas</u> ● Karangan kurang menjawab tugas <u>Idea</u> ● Idea masih relevan mengikut tugas/ bercampur aduk . ● Huraian tidak jelas / tidak berkembang ● Contoh tidak sesuai. <u>Bahasa</u> ● Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. ● Penggunaan kata kurang tepat ● Penggunaan kosa kata umum dan terhad. ● Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ● Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. ● Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. <u>Pengolahan</u> ● Pengolahan tidak menarik. ● Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang ● Wacana masih / kurang lengkap.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01 – 20 (11-20) (1-10)	- Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami. - Idea tidak relevan/ bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai.

Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

- Jika calon menulis dalam bentuk point (Bahagian A dan B)- maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM
- BAHAGIAN B
 - Bilangan perkataan 511 ke atas –maksimum peringkat KEPUJIAN
 - Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat BAIK.

Perkataan yang dikira sebagai satu tahap perkataan

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud hadis/ Al-Quran/ kata-kata tokoh
7. Penanda Wacana
8. Tajuk (rencana / surat)
9. Kata sendi ‘di’ dan ‘ke’
10. Angka

Soalan Bahagian A

[30 markah]

1. Format Penulisan komen

- T- menepati tema
- I- relevan, huraian jelas
- B- gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
- P- sangat menarik dan berkesan.

Soalan :

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat penggunaan sungai.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang kepentingan-kepentingan sungai di negara kita.

2. Kehendak/tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan **kepentingan sungai di negara kita**.

- i. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan iaitu:
 - a. kepentingan sungai
 - sistem pengangkutan
 - sektor pertanian
 - b. contoh-contoh (daripada pantun)
 - sungai mengairi sawah dan ladang
- ii. Calon **perlu menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **kepentingan sungai - DISEMAK DAN DITERIMA SEPERTI BIASA**.
- iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan -**MAKSIMUM KEPUJIAN**
- v. Jika calon menulis langkah tanpa dinyatakan pihak – **MAKSIMUM KEPUJIAN**
- vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir -**MAKSIMUM KEPUJIAN**
- vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan -**MAKSIMUM MEMUASKAN**

*****Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTMPM)**

Cadangan Jawapan

Pendahuluan

- Sungai merupakan salah satu sumber semula jadi yang sangat penting kepada kehidupan manusia sejak zaman dahulu.
- Di Malaysia, sungai bukan sahaja menjadi sumber bekalan air, malah turut memainkan peranan dalam pembangunan sektor ekonomi, pertanian dan sistem pengangkutan.
- Persoalannya, apakah kepentingan-kepentingan sungai?

Isi 1 : Sistem pengangkutan

- Sungai turut memainkan peranan sebagai **sistem pengangkutan air**, khususnya di kawasan pedalaman dan sukar diakses melalui jalan darat.
- Di negeri-negeri seperti Sarawak dan Sabah, sungai menjadi laluan utama untuk mengangkut barang dan penumpang. Contohnya, Sungai Rajang di Sarawak, yang merupakan sungai terpanjang di Malaysia, telah lama menjadi laluan pengangkutan bagi masyarakat di Sibu, Kapit dan Belaga.
- Bot ekspres dan tongkang digunakan untuk membawa hasil hutan, barangan keperluan harian dan juga penumpang.
- *sambil menyelam minum air*

Isi 2 : Sektor pertanian

- **menyokong sektor pertanian**, khususnya dalam **pengairan sawah dan ladang**.
- Di negara kita, kawasan sawah padi di negeri seperti Kedah, Perlis dan Perak banyak bergantung kepada sungai untuk tujuan pengairan.
- Sungai Muda, contohnya, menjadi nadi utama pengairan bagi Kawasan Muda Agricultural Development Authority (MADA) yang merupakan jelapang padi utama negara.
- Tanpa aliran air dari sungai, tanaman seperti padi, kelapa sawit dan getah akan terjejas. Sungai juga membantu menyuburkan tanah di kawasan pertanian kerana airnya mengandungi nutrien semula jadi yang penting untuk pertumbuhan tanaman. Oleh itu, sungai amat penting dalam menjamin sekuriti makanan negara..
- *Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya*

Kesimpulan

- Kesimpulannya, sungai ialah satu daripada komponen penting dalam kelangsungan hidup dan pembangunan negara.
- Kepentingannya dalam sektor pertanian dan pengangkutan jelas menunjukkan bahawa sungai bukan hanya milik alam, tetapi milik semua.
- Oleh itu, setiap lapisan masyarakat bertanggungjawab menjaga dan melestarikan sungai demi kesejahteraan generasi akan datang.

Soalan Bahagian B

[70 markah]

SKEMA PEMARKAHAN

1.

Negara kita kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional seperti congkak, gasing, galah panjang dan batu seremban. Oleh itu, pelbagai kemudahan permainan tradisional sewajarnya disediakan oleh kerajaan. Selain itu, ibu bapa perlu menyemai minat anak-anak bermain permainan tradisional dan pihak sekolah harus menerapkan permainan tradisional dalam aktiviti kokurikulum.

Sumber : www.bharian.com.my

Berdasarkan petikan di atas, huraikan langkah-langkah untuk mempopularkan permainan tradisional.

KEHENDAK TUGASAN

1. Calon dikehendaki menghuraikan **langkah-langkah untuk mempopularkan permainan tradisional** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu ;
 - Pelbagai kemudahan permainan tradisional sewajarnya disediakan oleh kerajaan
 - Ibu bapa menyemai minat anak-anak bermain permainan tradisional
 - Pihak sekolah harus menerapkan permainan tradisional dalam aktiviti kokurikulum

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan langkah-langkah – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat **BAIK**.

Cadangan Jawapan

Pendahuluan

- Permainan tradisional merupakan salah satu warisan budaya bangsa yang kaya dengan nilai-nilai murni dan sejarah tersendiri.
- Permainan seperti congkak, wau, gasing, batu seremban, sepak raga dan galah panjang pernah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat suatu ketika dahulu.

- Namun begitu, kemunculan pelbagai bentuk hiburan moden dan teknologi digital telah menyebabkan permainan tradisional semakin dilupakan, terutamanya oleh golongan muda.
- Situasi ini amat membimbangkan kerana permainan tradisional bukan sahaja menghiburkan, malah mengandungi unsur pendidikan, sosial, dan budaya yang penting.
- Oleh itu, beberapa langkah yang berkesan perlu diambil bagi mempopularkan semula permainan tradisional dalam kalangan generasi muda masa kini.

Isi 1 : pelbagai kemudahan permainan tradisional sewajarnya disediakan oleh pihak kerajaan

- menyediakan pelbagai kemudahan permainan tradisional di tempat awam, sekolah, taman permainan dan kawasan rekreasi.
- pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya boleh memainkan peranan dengan menyediakan ruang khas dan kelengkapan permainan tradisional di kawasan yang mudah diakses oleh masyarakat.
- papan congkak atau dataran bermain gasing boleh disediakan di taman-taman komuniti, manakala pusat rekreasi boleh menganjurkan sesi pengenalan dan demonstrasi permainan tradisional secara berkala.
- kemudahan ini dapat memberi peluang kepada golongan muda untuk mencuba dan mengenali permainan tradisional secara lebih dekat.
- seperti kata pepatah, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya, usaha ini perlulah disertai dengan tindakan berterusan untuk mendapatkan hasil yang diinginkan.

Isi 2 : ibu bapa menyemai minat anak-anak terhadap permainan tradisional

- ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam menyemai minat anak-anak terhadap permainan tradisional sejak kecil.
- ibu bapa boleh memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak di rumah melalui aktiviti harian seperti bermain congkak bersama-sama atau mengadakan pertandingan keluarga semasa hujung minggu.
- cerita-cerita tentang keseronokan bermain permainan tradisional semasa zaman kanak-kanak mereka juga boleh diceritakan kepada anak-anak sebagai motivasi.
- didikan awal ini amat penting kerana anak-anak lebih mudah menerima dan mengamalkan apa yang didedahkan oleh ibu bapa mereka.
- peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungnya jelas menunjukkan bahawa usaha memupuk minat terhadap warisan budaya perlu bermula dari rumah.

Isi 3 : sekolah perlu menerapkan permainan tradisional dalam aktiviti kokurikulum

- pihak sekolah boleh mengadakan Kelab Permainan Tradisional sebagai salah satu aktiviti kokurikulum mingguan.
- permainan tradisional juga boleh diterapkan dalam aktiviti pendidikan jasmani atau program Hari Sukan sekolah.
- guru-guru boleh memberi pendedahan tentang sejarah dan teknik permainan tradisional sambil menggalakkan murid untuk menyertainya secara aktif.
- langkah ini bukan sahaja memberi pengetahuan kepada murid tentang budaya sendiri, malah dapat mengasah kemahiran sosial dan fizikal mereka.

- seperti kata pepatah, tak kenal maka tak cinta, maka generasi muda perlu didedahkan dengan permainan tradisional agar mereka menghargainya.

Penutup

- Kesimpulannya, pelbagai usaha perlu dijalankan oleh semua pihak termasuk kerajaan, ibu bapa dan sekolah bagi memastikan permainan tradisional terus hidup dalam arus kemodenan.
- Penyediaan kemudahan, sokongan keluarga, dan pendidikan formal mampu memberi impak besar terhadap minat golongan muda terhadap warisan budaya ini.
- Sekiranya langkah-langkah ini dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, tidak mustahil permainan tradisional akan kembali popular dan menjadi kebanggaan generasi akan datang.
- Warisan bangsa harus dipelihara kerana hilang bahasa, lenyaplah bangsa, dan permainan tradisional merupakan sebahagian daripada bahasa budaya yang perlu dipertahankan.

2.

Buli merupakan perbuatan yang dilakukan oleh seseorang dengan menggunakan kekuatan atau kekerasan untuk menakutkan, mengganggu, menghina dan menyakitkan orang lain. Perkara ini menyebabkan gangguan emosi kepada mangsa sehingga menyebabkan tekanan perasaan.

Sumber : Internet

Huraikan kesan yang terdapat dalam petikan di atas berserta kesan-kesan gejala buli yang lain kepada murid.

KEHENDAK TUGASAN

1. Calon dikehendaki menghurai idea tentang **kesan-kesan buli kepada murid**.
2. Calon dikehendaki menghuraikan idea dalam petikan dan menambah idea lain

Idea dalam petikan

- Mengganggu emosi mangsa sehingga menyebabkan tekanan perasaan

Cadangan idea lain

- Menjejaskan pencapaian akademik
- Menyebabkan masalah sosial dalam kalangan murid dan masyarakat

Kemungkinan jawapan :

1. Jika calon TIDAK menghuraikan idea dalam petikan - maksimum **KEPUJIAN**

Cadangan Jawapan

Pendahuluan

- Buli dalam kalangan murid sekolah merupakan isu yang semakin membimbangkan di negara kita.
- Menurut **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**, sebanyak **4,994 kes buli telah direkodkan melalui Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) dari Januari hingga Oktober 2023**.
- Buli didefinisikan sebagai perbuatan menyakiti, menindas atau memperlekehkan seseorang sama ada secara fizikal, lisan, emosi atau melalui siber.
- Gejala ini memberi kesan yang besar bukan sahaja kepada mangsa, malah kepada pelaku dan masyarakat secara keseluruhannya.
- Oleh itu, amat penting untuk kita memahami kesan-kesan buli terhadap murid agar langkah pencegahan dapat diambil segera.

Isi 1 - mengganggu emosi mangsa

- **mengganggu emosi mangsa sehingga menyebabkan kemurungan.** Mangsa buli sering berasa takut, tertekan dan hilang keyakinan diri apabila berhadapan dengan pelaku.
- sentiasa dihantui rasa cemas, rendah diri dan rasa tidak selamat di persekitaran sekolah.
- mangsa cenderung mengalami kemurungan, tidak mahu bergaul dengan rakan-rakan dan ada yang sampai ke tahap mencederakan diri sendiri atau mencuba membunuh diri.
- keadaan ini amat membimbangkan kerana kesihatan mental mangsa terjejas, seterusnya menjejaskan kualiti hidup dan kesejahteraan mereka.
- semua pihak perlu memainkan peranan untuk membantu murid yang menjadi mangsa buli agar mereka tidak terus terperangkap dalam kesedihan dan tekanan emosi.

Isi 2 – menjejaskan pencapaian akademik

- buli juga **menjejaskan pencapaian akademik murid**.
- murid yang menjadi mangsa biasanya hilang minat untuk hadir ke sekolah kerana bimbang akan menjadi sasaran pelaku buli.
- mereka tidak mampu memberikan tumpuan sepenuhnya di dalam kelas kerana sentiasa dalam ketakutan.
- apabila murid mula ponteng sekolah atau menunjukkan penurunan dalam pencapaian akademik, masa depan mereka turut terancam.
- murid yang tertekan juga sukar berfikir dengan baik, menyebabkan prestasi mereka merosot dalam peperiksaan.
- menyebabkan keciciran dalam murid dan seterusnya menjejaskan peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Isi 3 – menyebabkan masalah sosial dalam kalangan murid

- sekolah yang dipenuhi dengan budaya buli akan mewujudkan suasana yang tidak selamat dan tidak harmoni.
- murid akan kehilangan rasa hormat antara satu sama lain dan nilai-nilai murni seperti tolong-menolong, kasih sayang dan persefahaman akan terhakis.
- dalam jangka masa panjang, budaya buli yang tidak dibendung akan melahirkan generasi yang ganas, tidak berperikemanusiaan dan sukar bekerjasama dalam masyarakat.
- menjejaskan perpaduan masyarakat dan keamanan negara.
- pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat perlu berganding bahu untuk memupuk sikap prihatin dan nilai hormat-menghormati dalam kalangan murid.

Penutup

- Kesimpulannya, buli memberikan pelbagai kesan buruk kepada murid sama ada dari segi **emosi, akademik mahupun sosial**.
- Isu ini perlu dipandang serius agar tidak merosakkan masa depan generasi muda.
- Semua pihak harus bekerjasama untuk membanteras gejala buli melalui pendidikan moral, kempen kesedaran dan tindakan disiplin yang tegas.
- Jika usaha mencegah buli dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, sudah pasti suasana sekolah akan menjadi lebih selamat, harmoni dan kondusif untuk perkembangan sahsiah dan akademik murid.

3.

September 2023 - Tema sambutan kemerdekaan pada tahun ini, 'Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan' mencerminkan semangat perpaduan dan aspirasi kemajuan Malaysia sebagai negara berdaulat. Ungkapan ini menekankan kepentingan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia pelbagai budaya, etnik dan agama yang mampu menjamin keselamatan negara.

Sumber: <https://www.kosmo.com.my>

Pada pendapat anda, selain kepentingan yang dinyatakan dalam petikan di atas, apakah kepentingan-kepentingan mengamalkan perpaduan kaum di Malaysia?

KEHENDAK TUGASAN

1. Calon dikehendaki menghuraikan idea tentang **kepentingan-kepentingan mengamalkan perpaduan kaum di Malaysia**.
2. Calon dikehendaki menghuraikan idea sendiri.
 - Menarik kedatangan pelancong
 - Meningkatkan imej negara

- Meningkatkan ekonomi negara

Kemungkinan jawapan :

1. Jika calon menghuraikan idea dalam petikan (mencapai keharmonian dan kemakmuran dalam sesebuah masyarakat) – maksimum **KEPUJIAN**

Cadangan Jawapan

Pendahuluan

- Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Kaum-kaum utama seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan sebagainya dapat hidup dalam keadaan harmoni.
- banyak negara di dunia menjadikan Malaysia sebagai negara yang patut dicontohi kerana masyarakat dapat hidup dalam keadaan aman walaupun berbilang bangsa, agama dan budaya.
- kebijaksanaan pemimpin kita yang menjadikan perpaduan kaum sebagai keutamaan bagi membina sebuah negara bangsa yang maju.
- Pada pendapat saya, banyak kepentingan yang dapat diperoleh jika perpaduan kaum dapat dikukuhkan dalam kalangan masyarakat.

Isi 1 : Menarik kedatangan pelancong

- ramai pelancong luar negara berkunjung ke Malaysia kerana tertarik dengan budaya masyarakat berbilang kaum yang terdapat di Malaysia.
- banyak keunikan cara hidup masyarakat pelbagai kaum dapat ditonjolkan seperti kepelbagaian makanan, pakaian, rumah ibadat, kesenian dan sebagainya kepada pelancong asing.
- pada tahun lalu seramai 25 juta orang pelancong asing datang ke negara kita hasil daripada usaha kerajaan yang bersungguh-sungguh mempromosikan keunikan yang terdapat di Malaysia khususnya kebudayaan pelbagai kaum yang terdapat di sini.
- Menurut Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato' Seri Tiong King Sing,- tahun 2025 disasarkan mencapai **31.4 juta** pelancong asing dengan hasil sebanyak **RM125.5 bilion**.
- Fokus utama tetap pada promosi keunikan kebudayaan Malaysia melalui acara dan festival pelbagai kaum serta kerjasama serantau – termasuk pelancaran kempen Visit Malaysia Year 2026
- perpaduan kaum yang kukuh di negara kita mampu menarik pelancong asing datang ke sini.

Isi 2 : Mengukuhkan ekonomi negara

- perpaduan kaum juga secara tidak langsung mampu mengukuhkan ekonomi negara.
- antara sebab utama pelabur asing berani menanam modal di sesebuah negara kerana kestabilan politik dan perancangan kerajaan yang mesra pelabur.
- mereka tidak mahu modal yang dilaburkan di sesebuah negara akan rugi akibat pergolakan yang berlaku di sesebuah negara. Malaysia bertuah kerana menjadi destinasi pelabur asing dari Amerika, Eropah, Jepun, China dan India.
- pelabur dari China membawa modal sebanyak RM1.5 bilion untuk dilaburkan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi di Cyberjaya kerana yakin dengan usaha kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk memacu negara menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

- modal yang dilaburkan itu mampu menjana pendapatan kepada negara sekali gus menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.
- pelabur ini berani menanam modal di sini adalah tidak lain dan tidak bukan kerana kestabilan politik negara ekoran daripada masyarakat yang hidup bersatu padu tanpa sebarang perbalahan.
- sudah terang lagi bersuluh bahawa perpaduan kaum mampu mengukuhkan ekonomi negara.

Isi 3 : Meningkatkan imej negara

- perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat Malaysia juga mampu meningkatkan imej negara di mata dunia.
- negara pada masa kini sudah berada di peta masyarakat antarabangsa ekoran daripada usaha kerajaan yang berterusan membina negara yang disegani di peringkat dunia.
- kepimpinan yang ada pada mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed menjadi perintis untuk meletakkan Malaysia sebaris dengan negara-negara maju yang lain. Ketokohan yang ada pada beliau telah menjadikan negara-negara dunia ketiga sebagai model dan orang yang boleh bersuara untuk membela nasib mereka di pentas dunia.
- Malaysia juga dikenali di pentas antarabangsa adalah kerana kestabilan masyarakat yang wujud di negara kita. Sebagai buktinya, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara yang ke-9 paling aman di dunia berdasarkan kajian yang dilakukan oleh sebuah badan bebas yang berpangkalan di Amerika Syarikat.
- Hal ini sangat jelas menunjukkan bahawa pengiktirafan sedemikian kerana masyarakat Malaysia hidup bersatu padu sehingga keadaan menjadi aman dan harmoni.

Penutup

- Kesimpulannya, perpaduan merupakan anugerah yang tidak ternilai harganya. Banyak negara di dunia menghadapi konflik atau perang saudara kerana wujud prejudis antara masyarakat.
- Kita sering kali melihat atau mendengar melalui media massa sama ada media cetak atau media elektronik mengenai pertempuran yang berlaku sehingga mengorbankan banyak nyawa yang tidak berdosa seperti warga tua dan kanak-kanak. Keadaan ini tidak berlaku di Malaysia kerana masyarakat kita saling menghormati antara satu sama lain.
- Perpaduan yang telah kita bina ini perlu dikekalkan agar aspirasi kepimpinan negara untuk menjadi negara maju dapat direalisasikan.

4.

Isu kebolehpasaran graduan sering menjadi perbincangan dalam kalangan pendidik, bapa dan pihak industri. Ramai berpendapat bahawa tahap persediaan pelajar untuk menempuh alam pekerjaan perlu dipertingkatkan. Hal ini penting agar mereka tidak kecewa apabila berdepan dengan cabaran sebenar di tempat kerja.

Sumber : Dewan Masyarakat, Disember 2017

Huraikan persediaan-persediaan tersebut.

KEHENDAK TUGASAN

Calon dikehendaki menghuraikan persediaan-persediaan pelajar untuk menempuh alam pekerjaan.

Cadangan Jawapan

Pendahuluan

- Kebolehpasaran graduan sering menjadi persoalan utama yang dibincangkan oleh pelbagai pihak, terutamanya pendidik, ibu bapa dan industri.
- Walaupun graduan kini dilengkapi kelayakan akademik yang baik, masih ramai yang gagal menempatkan diri dalam bidang kerjaya impian.
- Lantaran itu, graduan perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran tambahan yang mampu menjadi nilai tambah dalam pasaran kerja.
- Persoalannya, apakah persediaan-persediaan yang sewajarnya dilakukan oleh pelajar untuk menempuh alam pekerjaan?

Isi 1 — Menguasai Pelbagai Bahasa

- graduan wajar menguasai lebih daripada satu bahasa sebagai persediaan menghadapi pasaran kerja yang semakin global.
- syarikat multinasional kini lebih cenderung memilih pekerja yang fasih berkomunikasi dalam pelbagai bahasa antarabangsa.
- mengambil inisiatif mengikuti kursus bahasa tambahan yang ditawarkan di pusat bahasa universiti atau melalui kelas dalam talian.
- contoh - penguasaan Bahasa Mandarin atau Jepun memberi peluang lebih luas untuk bekerja dengan syarikat dari negara Asia Timur.
- kebolehan berbahasa asing membolehkan graduan berurusan dengan pelanggan luar negara tanpa halangan komunikasi.
- Jelaslah bahawa penguasaan pelbagai bahasa menjadi kelebihan besar yang membantu graduan menonjol berbanding calon lain.

Isi 2 — Meningkatkan Kemahiran Literasi Digital

- meningkatkan tahap literasi digital sejajar dengan tuntutan Revolusi Industri 4.0.
- majikan kini lebih berminat mengambil pekerja yang mahir menggunakan teknologi, perisian dan aplikasi terkini dalam melaksanakan tugas.
- boleh memanfaatkan bengkel teknologi, kelas kemahiran digital atau pertandingan inovasi untuk mengasah kemampuan ini.
- Contoh - kemahiran mengendalikan perisian analisis data atau platform pemasaran digital amat diperlukan dalam sektor pemasaran dan kewangan.
- graduan yang cekap mengurus teknologi akan lebih cepat menyesuaikan diri dengan tugas kerja sebenar.
- Oleh itu, penguasaan literasi digital memberi nilai tambah besar kepada graduan yang ingin bersaing di pasaran kerja moden.

Isi 3 — Meningkatkan Kemahiran Komunikasi

- graduan perlu meningkatkan kemahiran komunikasi agar mampu berinteraksi dengan berkesan di tempat kerja.
- majikan amat menekankan keupayaan pekerja untuk menyampaikan maklumat dengan jelas sama ada secara lisan mahupun bertulis.

- boleh menyertai aktiviti seperti debat, pembentangan akademik atau program kepimpinan bagi memupuk keyakinan diri.
- contoh - pelajar yang aktif dalam kelab debat biasanya lebih mahir berhujah dan berunding secara profesional.
- membantu graduan membina hubungan kerja yang harmoni dengan rakan sekerja dan pelanggan.
- Tegasnya, kemahiran komunikasi yang mantap menjadi senjata penting bagi graduan untuk menonjol dalam dunia pekerjaan.

Kesimpulan

- Kesimpulannya, pelbagai persediaan tambahan perlu dilakukan oleh graduan agar mereka tidak tersisih dalam persaingan kerjaya.
- Penguasaan pelbagai bahasa, literasi digital dan kemahiran komunikasi yang cemerlang mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan.
- Usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak termasuk diri graduan sendiri, institusi pengajian tinggi dan keluarga.
- Golongan muda hari ini sewajarnya lebih proaktif untuk melengkapkan diri agar dapat menjadi tenaga kerja berkualiti yang mampu membawa negara ke arah kemajuan.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT